

Naik taraf benteng elak masalah limpahan air

SHAH ALAM – Kajian untuk proses naik taraf benteng penahan air di pesisir pantai sekitar Selangor perlu dibuat dalam masa terdekat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, ia bagi mengatasi masalah limpahan air pasang besar sebagai satu penyelesaian jangka panjang.

“Fenomena air pasang besar ini memang di luar jangkaan dan menyebabkan beberapa kawasan seperti Kuala

Selangor, Kapar dan Tanjong Karang mengalami banjir malah kawasan ladang penduduk juga terjejas.

“Setakat ini, pihak bomba mengambil langkah bersedia untuk menghadapi sebarang situasi luar jangkaan dan saya berpendapat Jawatankuasa Bencana Alam juga perlu bersedia untuk situasi sebegini,” katanya.

Menurutnya, benteng penahan air di pesisir pantai terutama utara Selangor perlu segera dinaik taraf kerana benteng sedia ada tidak lagi mampu menahan

paras air selain terdapat beberapa benteng yang mengalami kerosakan.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu segera mengkaji untuk menambah baik benteng sedia ada, jika tidak perkara ini akan kembali berulang dan rakyat terpaksa menanggung risiko kerugian.

“Saya juga akan bawa perkara ini untuk perhatian kerajaan pusat. Selain itu, kerajaan negeri juga perlu beri kerjasama menjaga hak dan kebajikan rakyat khususnya di kawasan terjejas,” katanya.



NOH